

PERATURAN MENAIKI KERETA

Baca berita di bawah. Kemudian, isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.



Salam Sejahtera. KUALA LUMPUR - Seorang pemandu cedera parah manakala penumpangnya maut kerana kereta yang dipandunta terlibat dalam kemalangan di Kilometer 2.4, Lebuhraya Duta- Ulu Kelang (DUKE), menghala ke ibu negara, hari ini.

Dalam kejadian jam 7:35 pagi itu, Mohd Imran disahkan meninggal di tempat kejadian. Mangsa tercampak keluar kira-kira 300 meter daripadakenderaan. Semasa kejadian, mangsa tidak memakai tali pinggang keledar. Pemandu kereta yang cedera parah dikejarkan keHospital Kuala Lumpur (HKL).

Daud ke ruang tamu. Ketika itu, abangnya sedang menonton berita di televisyen.

Daud	Abang, itu berita tentang apa?
Abang	Berita tentang kemalangan jalan raya. Pemandunya cedera parah dan penumpangnya meninggal dunia.

Daud	Abang, apakah yang menyebabkan mangsa meninggal dunia?
Abang	Mangsa tercampak keluar kira-kira 300 meter daripada kenderaan.

Daud	Adakah mangsa memakai tali pinggang keledar semasa kejadian?
Abang	

Daud	Dimanakah kemalangan tersebut berlaku?
Abang	

Daud	Pemandu kenderaan perlu memandu dengan berhati-hati agar kemalangan dapat dielakkan.
------	--

Abang	Pemakaian tali pinggang keledar juga penting untuk keselamatan pemandu dan penumpang.
-------	---

Tidak. Mangsa tidak memakai tali pinggang keledar semasa kejadian.

Kemalangan tersebut berlaku di Kilometer 2.4, Lebuhraya Duta- Ulu Kelang (DUKE), menghala ke ibu negara